



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM PRIHATIN, SUMBANGKAN ALAT BANTUAN MENGAJAR

Jitra, 25 Mac 2018 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) meneruskan keprihatinannya dengan menyumbangkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) berupa peralatan teknologi maklumat kepada 32 buah sekolah dalam Parlimen Jerlun, Kedah.

Majlis penyerahan sumbangan ABM tersebut telah berlangsung di Dewan Bitara, Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, Jitra dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan 1. Turut hadir pada majlis tersebut ialah En. Abdul Manap Bin Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM dan Yang Berhormat Dato' Abu Hassan Sarif, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh serta Pegawai-pegawai kanan LHDNM.

Menurut Dato' Wira Othman bin Aziz, keprihatinan LHDNM sebagai sebuah agensi kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan kebajikan seumpama ini amat dipuji. Ini kerana perihal kebajikan rakyat tidak boleh diserahkan semuanya kepada bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya setiap agensi dan penjawat awam hendaklah memainkan peranan masing-masing agar kemakmuran Negara dapat dikongsikan bersama-sama. Melalui ABM ini, kerajaan percaya ia dapat memudahkan sekolah menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan dan membantu pelajar mencapai keputusan lebih baik dalam pelajaran serta mencipta masa hadapan yang lebih cemerlang.

Sementara itu, En. Abdul Manap Dim yang mewakili LHDNM pada majlis tersebut pula berharap sumbangan ABM ini turut berupaya meningkatkan motivasi para guru dalam mendidik pelajar mereka dengan kaedah yang lebih kreatif dan terkini. Pelajar masa kini amat berbeza dengan zaman dahulu, justeru kaedah yang digunakan dalam mendidik mereka juga pasti berbeza. Ujar beliau lagi, sumbangan ini mungkin dilihat kecil tetapi amat besar maknanya kepada pihak sekolah dalam membantu mereka mendidik generasi yang akan mewarisi Negara pada masa hadapan.

Sebagai rekod, pada tahun ini sebanyak tiga program tanggungjawab sosial telah berjaya dilaksanakan oleh LHDNM setakat ini bermula dengan Program Pembersihan Pantai Tanjung Lipat, Kota Kinabalu pada bulan Januari, Penyerahan Sumbangan Cermin Mata kepada 150 orang pelajar kurang berkemampuan di kawasan Bachok dan Tumpat, Kelantan pada bulan Februari dan Penyerahan Sumbangan Alat Bantuan Mengajar kepada 32 buah sekolah dalam Parlimen Jerlun, Kedah pada hari ini.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 25 Mac 2018.